

Artikel

Keretakan Komunikasi dan Implikasinya terhadap Pembubaran Perkahwinan Pasangan Muslim
(*Communication Breakdown and Its Implications for the Dissolution of Muslim Marriages*)

Dayang Sakini Mohd Kadri¹, Khazri Osman^{2*}, A'dawiyah Ismail², Rabiatul Farzanah Zabidi²,
Al Dairi Salha Juma Mohamed⁴ & Jufrizal M. Daud

¹Fakulti Dakwah, Pendidikan dan Peradaban Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah
(UnIPSAS), 25150 Kuantan, Pahang, Malaysia

²Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

³Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

⁴Program Studi Jurnalistik, Fakultas Dakwah dan Komunikasi, UIN Raden Fatah,
Palembang 30125, Sumatera Selatan, Indoensia.

*Pengarang Koresponden: khazri@ukm.edu.my

Diserah: 23 Julai 2025

Diterima: 03 November 2025

Abstrak: Komunikasi merupakan asas utama dalam pembentukan dan kelangsungan institusi perkahwinan. Hubungan yang harmoni terbentuk apabila pasangan mampu meluahkan perasaan, memahami antara satu sama lain serta menyelesaikan konflik secara matang. Namun, laporan terkini menunjukkan kegagalan komunikasi menjadi faktor utama keretakan rumah tangga, khususnya dalam kalangan pasangan muda. Artikel ini bertujuan mengenal pasti pola komunikasi yang menyumbang kepada pembubaran perkahwinan berdasarkan pandangan 11 orang pakar dalam bidang kekeluargaan Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual separa berstruktur dan dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Informan terdiri daripada kaunselor, pegawai agama, ahli akademik, pengamal undang-undang dan pendakwah yang berpengalaman mengendalikan kes rumah tangga. Dapatan kajian menonjolkan lima bentuk komunikasi destruktif yang berulang dalam hubungan pasangan iaitu pengunduran emosi (*stonewalling*), sarkasme, keengganan berkomunikasi, kekurangan komunikasi dan gangguan teknologi komunikasi. Corak komunikasi ini bukan sahaja menjarakkan pasangan secara emosi tetapi juga mendorong kepada perceraian secara berperingkat. Disebabkan kajian ini terhad kepada perspektif pakar, maka lanjutan boleh mempertimbangkan pengalaman langsung pasangan bermasalah untuk memperluas kefahaman. Implikasi praktikal hasil kajian ini amat penting bagi agensi kerajaan, institusi keluarga Islam dan pembangun modul pra perkahwinan, khususnya dalam merangka strategi pencegahan perceraian yang menekankan pemulihan komunikasi dan sokongan emosi dalam rumah tangga.

Kata kunci: Komunikasi perkahwinan; punca perceraian; konflik rumah tangga; masalah pasangan; analisis tematik.

Abstract: Communication is a crucial foundation for the establishment and sustainability of marriage. Harmonious relationships are nurtured when spouses are able to express emotions, understand each other, and resolve conflicts with maturity. However, recent reports indicate that communication breakdowns have become a major factor contributing to marital dissolution, particularly among young couples. This study aims to identify destructive communication patterns that lead to relationship breakdown, based on the

perspectives of 11 experts in Islamic family studies. A qualitative approach was employed through semi-structured interviews, and the data were analyzed thematically. The informants consisted of counsellors, religious officers, academics, legal practitioners, and preachers with extensive experience in handling marital issues. The findings reveal five recurring destructive patterns: emotional withdrawal (stonewalling), sarcasm, unwillingness to communicate, lack of meaningful interaction, and technofence (interference from communication technology). These patterns not only create emotional distance but also contribute to gradual marital breakdown. The study is limited to expert perspectives; therefore, future research may incorporate the lived experiences of troubled couples to provide a more comprehensive understanding. The practical implications are highly relevant for government agencies, Islamic family institutions, and premarital programme developers, particularly in designing preventive strategies and counselling modules that emphasize communication restoration, emotional support, and marital resilience.

Keywords: Marital communication; causes of divorce; domestic conflict; couple issues; thematic analysis.

Pengenalan

Perkahwinan merupakan institusi sosial yang utama dalam menjamin kesejahteraan emosi, kestabilan psikologi dan kelangsungan masyarakat. Ia bukan sahaja saluran sah untuk memenuhi fitrah manusia, tetapi juga asas pembentukan keluarga stabil. Namun, dalam masyarakat moden yang semakin kompleks, institusi ini berdepan pelbagai cabaran, antaranya peningkatan kadar perceraian dalam kalangan pasangan muda yang sering dikaitkan dengan kegagalan komunikasi berkesan antara suami isteri (Ismail & Adam, 2024; Mahmoodzadeh et al., 2021).

Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM, 2023) merekodkan 46,138 kes perceraian pasangan Islam pada 2022, meningkat 45.8% berbanding 2021. Sebanyak 64.6% kes berlaku dalam tempoh kurang sepuluh tahun usia perkahwinan, dengan kelompok umur 30–34 tahun mencatatkan kadar tertinggi. Data ini mencerminkan kegagalan komunikasi sebagai faktor utama keretakan rumah tangga, khususnya dalam fasa awal perkahwinan serta memberikan kesan psikososial kepada pasangan dan anak-anak (Mohd Fadzli Sulaiman & Zaini Nasohah, 2023). Kajian menunjukkan bahawa komunikasi terbuka, empatik dan saling menghargai menjadi asas keharmonian rumah tangga (Fincham & Bradbury, 1987; Gottman & Silver, 2015), manakala komunikasi destruktif seperti pengunduran emosi, sarkasme, keengganan berbicara dan gangguan teknologi sering mencetuskan jarak emosi dan perceraian (Caldwell, 2023; Hajar et al., 2024). Meskipun isu ini banyak dikaji dalam konteks Barat, penyelidikan yang meneliti pengalaman dalam konteks Malaysia dan dunia Islam masih kurang diberikan perhatian (Ahmad et al., 2021; Apostu, 2022).

Perbezaan ersonaliti dan tekanan sosio-budaya turut mempercepatkan keretakan rumah tangga. Kajian oleh Wan Murni & Anwar Fakhri (2018) mendapati bahawa ketiadaan persefahaman akibat ketidakupayaan menyesuaikan diri dengan perbezaan gaya komunikasi, tabiat sendiri dan personaliti menjadi punca utama perceraian dalam kalangan pasangan muda. Ismail et al. (2021) pula menyorot cabaran nilai individualisme dan perubahan peranan gender sebagai faktor tambahan yang melemahkan hubungan. Corak komunikasi negatif seperti sindiran, pengabaian emosi dan reaksi defensif dapat dikesan seawal tahun pertama perkahwinan dan lazimnya berterusan sehingga mencetuskan perceraian (Williamson, 2021). Sementara itu, kajian Siti Marziah et al. (2019) menunjukkan bahawa komunikasi terbuka memberikan kesan signifikan terhadap kualiti hubungan, terutama pada fasa awal perkahwinan. Namun demikian, sebilangan pasangan muda cenderung mengekalkan gaya komunikasi praperkahwinan yang bersifat mengelak, menyalahkan dan menghukum, sekali gus menyukarkan proses membina persefahaman. David & Weinhold (2012) serta Zainab (2014) mengenal pasti empat gaya komunikasi tidak berkesan blamer, placater, computer dan distracter yang sering menjadi pencetus konflik. Gaya ini melibatkan sikap menyalahkan, merendah diri berlebihan, menolak emosi dan mengelak isu utama, yang kesemuanya menghalang penyelesaian konflik secara matang.

Walaupun penyelidikan kuantitatif banyak menjelaskan hubungan antara masalah komunikasi dengan kadar perceraian, dapatan kajian tersebut masih belum memadai. Misalnya, persoalan yang lebih

kompleks seperti bagaimana isu ini difahami oleh profesional yang berinteraksi secara langsung dengan kes perceraian. Selain itu, pengaruh perbezaan keperibadian terhadap komunikasi juga kurang diterokai secara menyeluruh dalam konteks Malaysia, khususnya dari sudut pandang pakar kaunseling, psikologi keluarga atau undang-undang syariah. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk mendapatkan pandangan pakar berkenaan pola komunikasi bermasalah yang menyumbang kepada keretakan rumah tangga serta bagaimana perbezaan keperibadian dilihat mempengaruhi daya tahan perkahwinan. Tumpuan diberikan terhadap pengalaman dan persepsi profesional dalam menilai bentuk komunikasi yang lazim berlaku dalam kalangan pasangan yang berada di ambang perceraian.

Sorotan Literatur

Dapatan kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa komunikasi memainkan peranan yang besar dalam mengekalkan atau meretakkan institusi perkahwinan. Penyelidikan dalam bidang psikologi kekeluargaan misalnya semakin menumpukan perhatian terhadap dinamika komunikasi sebagai penentu utama kepada kestabilan institusi perkahwinan. Williamson (2021) dalam kajian terhadap 431 pasangan berpendapatan rendah, mendapati bahawa pola komunikasi yang dicirikan oleh emosi negatif yang tinggi serta keberkesanan penyelesaian masalah yang rendah mempunyai kaitan yang signifikan dengan kadar perceraian yang tinggi, khususnya dalam kalangan wanita. Kajian ini turut menunjukkan bahawa pasangan yang mengamalkan komunikasi positif sejak awal perkahwinan mempunyai tahap daya tahan perkahwinan yang lebih tinggi.

Ahmad et al. (2021) juga menegaskan bahawa pemeliharaan institusi perkahwinan adalah antara keutamaan dalam kerangka Maqasid Syariah. Beliau menekankan bahawa keluarga yang dibina atas komunikasi beretika, saling memahami dan berasaskan prinsip syariah dapat mengekalkan keharmonian dalam jangka panjang. Pendekatan ini selari dengan keperluan untuk memelihara al-din, al-nafs dan al-nasl, yang terjejas apabila institusi keluarga gagal dipertahankan.

Selaras dengan dapatan tersebut, penyelidikan oleh Mahmoodzadeh et al. (2021) mendapati bahawa kelemahan dalam kemahiran komunikasi dan penyelesaian konflik secara langsung meningkatkan kecenderungan untuk bercerai. Kajian kuantitatif ini menunjukkan bahawa kemahiran menyelesaikan masalah berfungsi sebagai pelindung utama terhadap perceraian, namun pendekatannya tidak memberikan gambaran mendalam mengenai bentuk sebenar interaksi bermasalah dalam kehidupan pasangan. Dapatan tersebut turut disokong oleh Ismail et al. (2021) yang melihat isu keruntuhan keluarga bukan sekadar berpunca daripada kelemahan komunikasi dalaman, tetapi turut dipengaruhi oleh cabaran sosio-budaya kontemporari seperti tekanan hidup, nilai individualisme dan peranan gender yang berubah. Dalam dapatan mereka, komunikasi yang terabai menjadi sebahagian daripada simptom kepada tekanan luaran yang tidak diurus secara bersepadu dalam keluarga Islam hari ini sehingga akhirnya memandu ke arah keruntuhan komunikasi dan pengamalan komunikasi yang deduktif.

Dalam konteks intervensi, Alizadehkondari (2020) membuktikan bahawa latihan kemahiran komunikasi dapat membantu wanita yang mengalami tekanan emosi akibat pengkhianatan rumah tangga. Latihan ini bukan sahaja mengurangkan perceraian emosi, malah meningkatkan kesejahteraan psikologi dan memperbaiki corak komunikasi antara pasangan. Dapatan ini mengukuhkan lagi bukti bahawa komunikasi efektif bukan sekadar faktor penstabil, malah boleh menjadi mekanisme pemulihan dalam hubungan yang terjejas. Sementara itu, Ismail & Adam (2024) menekankan bahawa amalan keluarga bahagia banyak bergantung kepada komunikasi yang fleksibel, sokongan emosi dan keupayaan pasangan menyesuaikan diri dalam suasana penuh ketidakpastian. Dapatan kajiannya menunjukkan bahawa komunikasi berkesan merupakan faktor perlindungan utama yang boleh menstabilkan institusi keluarga dalam apa jua keadaan.

Selain komunikasi, perbezaan keperibadian antara pasangan juga dikenal pasti sebagai penyumbang signifikan kepada ketegangan rumah tangga. Ciri-ciri seperti neurotisme yang tinggi atau ketidaksesuaian dalam aspek keterbukaan, keteraturan dan empati, berpotensi menjejaskan keharmonian perkahwinan sekiranya tidak disokong dengan kemahiran penyelesaian konflik yang mencukupi. Dalam kalangan pasangan muda khususnya, ketidakupayaan untuk mengurus perbezaan keperibadian ini sering kali menjadi pencetus kepada perceraian awal.

Walau bagaimanapun, kajian lepas masih memperlihatkan beberapa jurang yang memerlukan kajian lanjut. Tan et al. (2022) misalnya menunjukkan bahawa kekurangan komunikasi bermakna boleh mencetuskan *social anhedonia* dalam kalangan pasangan baharu berkahwin, manakala Husain (2021) menegaskan bahawa komunikasi empatik perlu diperkukuh sebagai asas hubungan yang sihat. Dalam masa yang sama, isu gangguan teknologi komunikasi semakin ketara apabila Maisarah dan Khairani (2023) serta Huang et al. (2024) mendapati bahawa penggunaan telefon pintar secara berlebihan mendorong kepada kesunyian emosi dan jurang psikologi dalam kalangan pasangan. David dan Moore (2021) pula menekankan bahawa penggunaan media sosial secara berlebihan berpotensi mencetuskan pengasingan sosial dalam hubungan keluarga. Namun, kebanyakan dapatan ini tertumpu pada konteks Barat atau fenomena umum tanpa meneliti pengalaman langsung pakar kekeluargaan Islam di Malaysia. Oleh itu, kajian ini penting untuk mengisi jurang tersebut dengan menawarkan perspektif pakar Muslim yang berdepan secara langsung dengan kes perceraian. Pendekatan ini juga dapat memberikan pemahaman yang kontekstual dan praktikal bagi merangka strategi pencegahan perceraian yang lebih berkesan.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes eksploratori bagi meneliti pola komunikasi yang menyumbang kepada keruntuhan rumah tangga pasangan Muslim. Pemilihan pendekatan ini membolehkan pengkaji mendapatkan kefahaman mendalam melalui pengalaman langsung informan yang berperanan sebagai pakar dalam bidang kekeluargaan Islam.

Data dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur yang dijalankan secara bersemuka dan dalam talian bergantung kepada kesesuaian masa informan. Soalan temu bual dibangunkan berdasarkan literatur lepas berkaitan komunikasi perkahwinan dan perceraian. Temu bual dijalankan dalam Bahasa Melayu, dirakam dengan kebenaran informan dan tempoh setiap sesi adalah antara 45 hingga 90 minit. Di samping itu, catatan lapangan turut dibuat bagi merekodkan ekspresi, nada dan reaksi informan sebagai data tambahan.

Seramai 11 orang informan pakar (IP1 - IP11) telah dipilih secara bertujuan (*purposive sampling*). Kriteria pemilihan termasuk: (i) pengalaman minimum 10 tahun dalam bidang kaunseling, undang-undang syariah atau pembangunan keluarga Islam; (ii) terlibat secara langsung dalam pengendalian kes perceraian, konflik rumah tangga atau pendidikan komuniti; dan (iii) bersedia berkongsi pengalaman secara reflektif. Informan terdiri daripada kaunselor berdaftar, pegawai agama, ahli akademik, pengamal undang-undang dan pendakwah.

Semua temu bual dijalankan antara Januari hingga Mac 2024. Rakaman audio temu bual ditranskripsikan secara verbatim oleh pengkaji, kemudian disemak semula oleh pembantu penyelidik untuk memastikan ketepatan transkripsi. Transkrip akhir dipulangkan semula kepada informan (*member checking*) untuk pengesahan kandungan.

Analisis tematik digunakan bagi mengenal pasti pola komunikasi destruktif berdasarkan kaedah Braun dan Clarke (2006). Proses analisis melibatkan enam fasa iaitu: (i) membiasakan diri dengan data, (ii) pengekodan awal, (iii) mencari tema, (iv) menyemak tema, (v) mendefinisikan dan menamakan tema serta (vi) menghasilkan laporan. Data dianalisis secara induktif dengan bantuan perisian Microsoft Excel untuk menyusun kod dan membina kategori.

Semua identiti informan dirahsiakan dan digantikan dengan kod IP1 hingga IP11. Sebelum temu bual, borang persetujuan dimaklumkan (*informed consent*) dan ditandatangani oleh setiap informan. Mereka diberi hak untuk menarik diri pada bila-bila masa tanpa menjejaskan kedudukan profesional.

Profil Informan

Seramai sebelas orang informan pakar (IP1–IP11) telah dipilih secara bertujuan berdasarkan pengalaman luas mereka dalam menangani isu konflik rumah tangga, perceraian dan pembangunan keluarga Islam. Semua informan merupakan wanita dengan latar belakang profesional yang pelbagai seperti kaunselor, pegawai agama, ahli akademik, pengamal undang-undang dan pendakwah. Pengalaman mereka merangkumi

peranan dalam pendidikan, kaunseling, perundangan syariah dan aktif dalam komuniti. Jadual 1 di bawah menunjukkan maklumat ringkas tentang latar belakang informan.

Jadual 1. Latar Belakang Informan

Kod Informan (IP)	Jantina	Umur (Tahun)	Jawatan/Profesional	Pengalaman Berkaitan
IP1	Wanita	40	Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan, Keluarga Jabatan, Agama Negeri	16 tahun dalam pengurusan kes rumah tangga
IP2	Wanita	33	Guru Kaunseling dan Pengurus Rumah Kebajikan Asnaf	10 tahun dalam bimbingan pelajar dan keluarga
IP3	Wanita	48	Bekas Pensyarah Pengajian Islam dan Pendakwah bebas	Kajian akademik dalam bidang wanita dan keluarga
IP4	Wanita	38	Pendakwah Bebas	Pendidikan komuniti dan pemerkasaan keluarga
IP5	Wanita	44	Pensyarah dan Bekas Peguam Syarie	Pengalaman dalam kes kaunseling dan perceraian
IP6	Wanita	36	Aktivis Dakwah	Terlibat dalam program dakwah keluarga
IP7	Wanita	56	Pensyarah	Kajian pengamalan tasawuf dalam keluarga
IP8	Wanita	61	Pesara Guru dan Sukarelawan Komuniti	Pengalaman membantu pasangan dalam konflik rumah tangga
IP9	Wanita	44	Pegawai Hal Ehwal Islam dan Perunding Keluarga	12 tahun dalam pengendalian kes komunikasi pasangan
IP10	Wanita	44	Kaunselor Berdaftar	Terlibat dalam pemulihan hubungan rumah tangga
IP11	Wanita	64	Pakar Kaunseling	30 tahun dalam penyelidikan, latihan dan kes rumah tangga

Pemilihan semua informan wanita dalam kajian ini berdasarkan pengalaman mereka yang luas dalam menangani kes rumah tangga secara langsung, terutamanya dari sudut peranan sebagai kaunselor, pegawai agama dan penasihat kekeluargaan. Dalam konteks masyarakat Malaysia, majoriti pengendali kes kaunseling keluarga di institusi agama dan pusat komuniti adalah wanita, yang memberikan akses langsung kepada pengalaman lapangan yang kaya dan berstruktur. Kajian ini tidak bertujuan membuat generalisasi berdasarkan gender, sebaliknya menumpukan kepada kedalaman pengalaman dan keupayaan reflektif informan terhadap isu komunikasi dalam perkahwinan.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Komunikasi merupakan tunjang kepada kestabilan sesebuah perkahwinan. Kajian ini menunjukkan bahawa apabila komunikasi gagal berfungsi secara efektif boleh menyebabkan hubungan pasangan bermasalah dan akhirnya membawa kepada pembubaran perkahwinan. Analisis ini disokong oleh kajian-kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa komunikasi negatif memainkan peranan signifikan dalam meningkatkan risiko konflik rumah tangga dan perceraian (Williamson, 2021; Kamal et al., 2023).

Melalui temu bual bersama 11 informan yang berpengalaman dalam pengurusan kes rumah tangga dan kaunseling keluarga, lima tema utama telah dikenal pasti sebagai bentuk komunikasi destruktif yang berulang dalam kehidupan pasangan iaitu *stonewalling* (pengunduran emosi), sarkasme, keengganan untuk

berkomunikasi, kekurangan komunikasi dan penggunaan teknologi komunikasi. Naratif yang dikongsikan menggambarkan bagaimana isu komunikasi tidak semestinya bersifat dramatik, tetapi sering bermula daripada tindakan-tindakan kecil yang tidak disedari, diulang secara pasif dan dibiarkan tanpa penyelesaian.

Bahagian ini akan menghuraikan setiap tema berdasarkan pengalaman lapangan para informan, dengan disokong oleh kajian lepas yang relevan. Fokus diberikan kepada bagaimana bentuk komunikasi yang merosakkan ini berkembang dalam konteks hubungan harian pasangan serta implikasinya terhadap kesejahteraan emosi dan kelangsungan institusi perkahwinan. Pendekatan ini memberikan gambaran yang lebih realistik dan kontekstual tentang keretakan rumah tangga yang berakar daripada kegagalan komunikasi.

1. Stonewalling (Pengunduran Emosi)

Stonewalling atau pengunduran diri secara emosi merujuk kepada kecenderungan pasangan untuk mengelak daripada berkomunikasi, menjauh secara psikologi atau mendiamkan diri ketika berdepan konflik. Konsep ini dijelaskan oleh Gottman dan Silver (2015) melalui teori “Empat Penunggang Kiamat”, yang menyatakan bahawa stonewalling berlaku apabila individu berasa terlalu terbeban emosi lalu memilih untuk tidak terlibat dalam interaksi. Tingkah laku ini terbukti memberikan kesan besar terhadap kepuasan rumah tangga dan sering menjadi pencetus kepada renggangnya hubungan (Khezri et al., 2020).

Dapatan kajian ini mengesahkan fenomena tersebut apabila beberapa informan memberikan gambaran jelas bagaimana corak pengunduran ini berlaku dalam kehidupan peribadi klien mereka atau pasangan yang pernah mereka bantu. Seorang informan (IP5), yang juga merupakan seorang pensyarah dan bekas peguam, menceritakan pengalaman yang dialami sendiri melalui perubahan pendekatan komunikasinya selepas menyedari bahawa gaya komunikasi yang terlalu serius telah memberikan kesan negatif terhadap keharmonian rumah tangga:

“Saya pernah ditegur di awal perkahwinan sebab terlalu serius bila berbual dengan suami. Bila saya mula sedar cara saya tu menjarakkan kami, saya belajar ubah pendekatan. Tapi saya perasan, bila ada perkara penting, suami akan terus diam dan ambil kunci motor keluar.”

(Informan 5, Wanita, 44 Tahun)

Situasi ini menggambarkan bagaimana pengunduran emosi telah menafikan peluang untuk menyelesaikan konflik secara sihat dan sebaliknya mencetuskan rasa diabaikan serta tidak dihargai. Keengganan untuk berkomunikasi dalam situasi kritikal sering kali merupakan respons terhadap perasaan putus asa, terutamanya apabila individu merasakan bahawa segala usaha mereka untuk menyelesaikan konflik tidak lagi bermakna. Seorang lagi informan menjelaskan bahawa

“diam itu boleh jadi bentuk hukuman emosi. Bila seseorang menjauh tanpa penjelasan, pasangan akan rasa tidak penting, ditolak, dan akhirnya menutup ruang komunikasi.” (Informan 11, Wanita, 64 Tahun)

Penjelasan ini seiring dengan dapatan Miller et al. (2014) bahawa apabila harapan untuk penyelesaian konflik terhakis, individu cenderung menarik diri secara emosional. Dalam jangka panjang, pengunduran emosi membentuk kitaran pengasingan psikologi yang memutuskan keterhubungan pasangan. Hal ini turut ditegaskan oleh Salihagić dan Tuce (2023) yang mendapati bahawa manipulasi emosi secara pasif-agresif, termasuk stonewalling, boleh meningkatkan tekanan dan kemurungan pasangan. Dalam konteks ini, komunikasi yang seharusnya menjadi jambatan emosi bertukar menjadi keheningan yang menyakitkan, sekali gus meretakkan lagi keintiman dan keterhubungan pasangan. Seorang lagi informan pakar (IP11) yang berpengalaman luas dalam bidang kaunseling keluarga turut berkongsi pemerhatiannya:

“Ramai pasangan tak sedar bahawa diam itu boleh jadi bentuk hukuman emosi. Bila seseorang menjauh tanpa penjelasan, pasangan akan rasa tidak penting, ditolak, dan akhirnya menutup ruang komunikasi.”

(Informan 11, Wanita, 64 Tahun)

Beliau menegaskan bahawa *stonewalling* bukanlah petanda reda atau usaha mengelak konflik, sebaliknya merupakan bentuk pasif-agresif yang digunakan secara tidak sedar untuk menghukum pasangan secara emosi. Tindakan ini mencetuskan kesunyian psikologi yang dalam dan membekukan interaksi yang sepatutnya membina keintiman. Sekali lagi membuktikan kesahihan kajian Salihagić dan Tuce (2023) turut menekankan bahawa manipulasi emosi, termasuk taktik pasif-agresif seperti *stonewalling* boleh memberikan kesan buruk terhadap kesihatan mental pasangan seperti peningkatan tekanan, kegelisahan dan kemurungan, menjadikan hubungan intim sebagai sumber penderitaan emosi berbanding sokongan psikologi. Perkongsian lain turut memperlihatkan kesan mendalam corak ini. Informan mengatakan:

“Dia tak pernah marah depan-depan, tapi dia buat tak layan. Saya cakap, dia angguk saja. Kalau saya tanya lebih-lebih, terus senyap. Jadi saya pun simpan je semua benda.”

(Informan 8, Wanita, 61 Tahun)

Keadaan sebegini memperlihatkan pasangan terperangkap dalam kesepian emosi sehingga tidak lagi berusaha membina komunikasi, sekali gus mewujudkan kitaran dingin yang berpanjangan. Kajian Jenn Mann (2024) turut menyokong dapatan ini dengan menyatakan bahawa *stonewalling* adalah salah satu isyarat utama yang membawa kepada pemisahan hubungan secara berperingkat.

Implikasi dapatan ini amat penting, khususnya dalam bidang kaunseling keluarga Islam. Kaunselor perlu membantu pasangan membezakan antara jeda berstruktur (*time-out*) dengan diam yang menghukum serta melatih kemahiran melabel emosi secara terbuka untuk mengelakkan konflik berulang. Institusi agama dan pembangun modul pra-nikah pula disaran memasukkan latihan pengenalanpastian tanda awal *stonewalling* agar pasangan lebih peka terhadap kesannya terhadap keintiman dan kelangsungan rumah tangga.

2. Sarkasme

Sarkasme merupakan satu bentuk komunikasi pasif-agresif yang memberikan kesan langsung terhadap keintiman emosi dan persefahaman antara pasangan. Walaupun sering dianggap sebagai gurauan ringan, sarkasme lazimnya disampaikan dengan nada sinis, menyindir atau memperlekeh yang boleh mencetuskan luka psikologi jika berulang. Dalam konteks rumah tangga, sarkasme mencerminkan keretakan komunikasi yang tidak diungkap secara langsung, tetapi dizahirkan melalui kata-kata yang menyakitkan (Susan, 2024).

Dalam satu kes yang dikendalikan oleh informan IP1 berkongsi bagaimana seorang isteri merungut kerana sering dijadikan bahan sindiran oleh suaminya dalam isu pembahagian kerja rumah seperti mengatakan

“Kalau saya tanya kenapa tak tolong kemas rumah, dia jawab, ‘Ala, kan awak superwoman, semua boleh buat.’”

(Informan 1, Wanita, 40 Tahun)

Ungkapan ini menggambarkan bentuk komunikasi sarkastik yang mempunyai percanggahan antara makna harfiah dan maksud sebenar, menjadikannya sukar untuk ditanggapi secara langsung. Seperti yang dijelaskan oleh Filik (2023), sarkasme mencetuskan “model dua peringkat” tindak balas emosi, di mana individu pada awalnya menjangka kritikan secara menyakitkan tetapi lama-kelamaan menyedari ia lebih menekan daripada kritikan biasa. Dalam konteks ini, ucapan ‘*superwoman*’ kelihatan seperti gurauan, tetapi secara mendalam membawa mesej penolakan dan sindiran terhadap ketidakadilan pembahagian tugas. Ia membuatkan pasangan merasa tidak dihargai dan terbeban secara psikologi.

Manakala informan lain IP9 yang merupakan seorang perunding keluarga berpengalaman, turut menceritakan salah satu kes pasangan yang berkomunikasi dengan sarkastik secara terbuka hingga menjatuhkan maruah dengan mengatakan:

“Dia cakap, ‘Wah, memang terbaik abang urus duit—tinggal kosong dalam akaun.’ Dia senyum masa cakap tu, tapi saya terasa sangat sebab orang lain dengar.” (Informan 9, Wanita, 44 Tahun)

Menurut beliau, sarkasme yang berlaku di hadapan orang ramai boleh menyebabkan pasangan merasa dipermalukan dan tercabar, lalu mencetuskan konflik dalaman yang sukar disuarakan secara terbuka. Situasi ini memperlihatkan bagaimana sarkasme boleh menjadi satu bentuk komunikasi yang merendahkan secara halus namun memberikan impak mendalam. Hassan et al. (2024) menunjukkan bahawa pengesanan sarkasme melibatkan pemahaman terhadap isyarat emosi tersirat dalam konteks perbualan dan model kecerdasan buatan seperti RoBERTa telah menunjukkan ketepatan tinggi apabila tumpuan diberikan kepada dimensi emosi tersebut. Menurut beliau, sarkasme yang diungkapkan di hadapan khalayak menimbulkan rasa malu dan tercabar, mencetuskan konflik dalaman yang sukar diluahkan secara terus terang oleh pasangan. Seorang informan pakar (IP11) menyifatkan sarkasme sebagai bentuk serangan mikro (microaggression) yang boleh meletup secara perlahan tetapi berterusan:

“Sarkasme ni ibarat bom kecil yang meletup perlahan-lahan. Ia mungkin tak menyakitkan sekali dengar, tapi bila ulang-ulang, ia membina luka psikologi yang dalam. Pasangan yang jadi mangsa selalunya mula tutup diri, elak bercakap, dan simpan dendam senyap”

(Informan 11, Wanita, 64 Tahun)

Apabila sarkasme menjadi cara komunikasi yang berulang, ia bukan sahaja menghakis kepercayaan, tetapi juga menghalang pasangan daripada menyatakan perasaan secara jujur. Informan (IP9) menambah bahawa sarkasme sering disampaikan dalam suasana yang dianggap “selamba”, namun kesannya jauh lebih dalam kerana ia tidak diselesaikan secara langsung:

“Ramai orang rasa sarkasme tu tak salah sebab dia senyum masa cakap. Tapi sebenarnya, itulah cara pasangan tu serang emosi dengan menggunakan ayat-ayat sinis sebab tak nak gaduh, tapi akhirnya simpan dendam.”

(Informan 9, Wanita, 44 Tahun)

Kajian oleh Hajar et al. (2024) menyatakan bahawa komunikasi sinikal dalam rumah tangga berkait rapat dengan penurunan kepuasan hubungan dan peningkatan konflik emosi dalam jangka panjang. Tanpa intervensi, sarkasme boleh menjadi budaya dalam rumah tangga dan pasangan yang menjadi sasaran akan mengalami keletihan emosi, berasa tidak dihormati, lalu menjauh secara psikologi.

Implikasi praktikal daripada dapatan ini adalah keperluan untuk memperkukuh kemahiran komunikasi empatik dalam kalangan pasangan. Kaunselor boleh melatih penggunaan *I-statements* dan strategi *repair attempts* bagi menggantikan sindiran dengan ungkapan yang lebih jujur dan konstruktif. Institusi agama dan pembangun modul pra-nikah pula disarankan menekankan perbezaan antara humor sihat dan sindiran dalam sesi latihan komunikasi. Dari sudut pendidikan komuniti, kempen literasi komunikasi yang menekankan kesantunan berbahasa juga penting bagi mengurangkan normalisasi sarkasme dalam budaya komunikasi rumah tangga Muslim.

3. Keengganan untuk Berkomunikasi

Keengganan untuk berkomunikasi dalam rumah tangga merujuk kepada kecenderungan pasangan untuk menghindari perbincangan bermakna, menolak interaksi emosi atau tidak menunjukkan keterbukaan dalam menyuarakan rasa hati. Tingkah laku ini secara langsung melemahkan asas perkahwinan yang sepatutnya dibina atas rasa saling memahami dan saling meluahkan. Kajian Emily Caldwell (2023) mendapati bahawa pengunduran emosi semasa konflik menyumbang kepada penumpukan isu yang tidak selesai dan menjejaskan kepuasan hubungan dari masa ke masa.

Informan (IP1) yang berpengalaman dalam mengendalikan kes rumah tangga di institusi agama, menyatakan bahawa antara isu paling lazim yang membawa kepada krisis rumah tangga ialah apabila salah seorang pasangan bersikap tertutup dan enggan berterus terang:

“Ada juga karakter suami yang memang jenis tak nak bincang, ada juga. Tak boleh nafi juga benda tu kan. Jadi tu yang datang ke Pejabat Agama, masalah komunikasi. Kadang isteri kata, ‘takkan dia tak faham saya? Dah 15 tahun kahwin.’ Tapi suami memang tak faham sebab tak berbincang.”

(Informan 1, Wanita, 40 Tahun)

Situasi ini menggambarkan bagaimana komunikasi yang tidak berlaku secara terbuka boleh membawa kepada salah faham yang berpanjangan dan penolakan terhadap emosi pasangan. Dungan dan Epley (2024) menjelaskan bahawa salah faham sebegini sering berpunca daripada kecenderungan individu untuk membayangkan terlalu banyak kemungkinan tindak balas negatif daripada pasangan mereka, menyebabkan mereka mengelakkan dialog terbuka yang sepatutnya boleh menyelesaikan konflik secara membina. Apabila tidak ada ruang untuk menyatakan keluh kesah secara terbuka, emosi terpendam akan mencetuskan jarak batin antara pasangan.

Situasi serupa dikongsi oleh informan IP6 yang menceritakan satu kes pasangan yang berdepan dengan isu keengganan berkomunikasi, khususnya apabila melibatkan hal keibubapaan. Menurut beliau, dalam kes tersebut, si isteri meluahkan rasa kecewa kerana setiap kali cuba membuka topik berkaitan anak-anak, suami cenderung mengelak atau berpura-pura sibuk dengan mengatakan:

“Kalau saya buka cerita pasal anak-anak, dia terus tukar topik. Kadang buat-buat sibuk main telefon. Lama-lama saya rasa macam bercakap sorang-sorang.”

(Informan 6, Wanita, 36 Tahun)

Tingkah laku sebegini memberikan mesej tersirat bahawa kebimbangan pasangan seolah-olah tidak penting. Apostu (2022) menekankan bahawa komunikasi terbuka sangat penting dalam hubungan yang sihat kerana ia membolehkan pasangan menyatakan keperluan dan perasaan sebenar mereka, sekali gus mengurangkan risiko kesunyian emosi dan salah faham yang boleh menjejaskan kestabilan hubungan. Lama-kelamaan, pasangan yang sering dinafikan ruang untuk bersuara akan terasa terasing secara emosi dan mula menutup ruang komunikasi secara sepihak.

Informan (IP9) juga berkongsi dapatan daripada kes-kes yang pernah di kendalikan berkaitan suami isteri yang tidak berkomunikasi kerana masing-masing menyangka pasangan akan faham secara automatik:

“Masalah banyak berlaku sebab masing-masing tak bercakap. Asyik assume. Isteri rasa suami akan faham bila dia diam. Suami pula rasa isteri tahu dia penat. Tapi sebenarnya masing-masing hidup dengan ekspektasi saja.”

(Informan 9, Wanita, 44 Tahun)

Seorang informan pakar (IP11) menegaskan bahawa diam bukanlah neutral, sebaliknya boleh menjadi bentuk perlindungan diri atau isyarat keletihan emosi:

“Ada orang diam bukan sebab tenang, tapi sebab letih atau tak tahu nak cakap macam mana. Tapi diam itu beri impak besar sehingga pasangan rasa tidak didengari, lalu mula memendam rasa dan hilang kepercayaan.”

(Informan 11, Wanita, 64 Tahun)

Apabila komunikasi tidak lagi menjadi medium penyelesaian, rumah tangga berubah menjadi ruang emosi yang asing. Hajar et al. (2024) turut menyatakan bahawa pasangan yang gagal menyuarakan keperluan emosi secara terbuka cenderung mengalami pemisahan emosi iaitu keadaan di mana dua individu tinggal sebumbung tetapi tidak lagi bersambung secara batin dan psikologi.

Dapatan ini menunjukkan bahawa keengganan untuk berkomunikasi bukan sekadar satu tabiat sementara, tetapi merupakan pola hubungan yang secara senyap boleh merosakkan keintiman dan kepercayaan antara pasangan. Jika tidak ditangani, ia mencipta suasana dingin, penuh sangkaan dan kesepian yang akhirnya membawa kepada keretakan hubungan.

Implikasi praktikal daripada dapatan ini menuntut perhatian serius. Kaunselor boleh memfasilitasi rutin “dialog mingguan berstruktur” antara pasangan bagi membina ruang selamat untuk perbincangan, manakala institusi agama wajar mengedarkan senarai semak “anti-andaian” kepada pasangan sebagai panduan mengelakkan salah faham. Dari sudut dasar pula, program intervensi awal di pejabat-pejabat agama boleh menapis kes pasangan yang menunjukkan corak keengganan berkomunikasi untuk dirujuk segera ke sesi kaunseling keluarga.

4. Kekurangan Komunikasi

Kekurangan komunikasi dalam perkahwinan bukan sekadar ketiadaan perbualan, tetapi kegagalan membina hubungan emosi melalui interaksi harian. Ia merupakan bentuk pengabaian psikologi yang perlahan-lahan meruntuhkan struktur hubungan suami isteri. Kajian menunjukkan bahawa 80% kes perpisahan berpunca daripada komunikasi yang lemah dan ketiadaan interaksi bermakna dalam jangka panjang, bukan akibat konflik besar semata-mata (Kamal et al., 2023).

Informan (IP10), yang berperanan sebagai kaunselor, berkongsi satu kes pasangan yang telah lama berkahwin tetapi berhadapan dengan jurang komunikasi yang membarah secara senyap. Pasangan tersebut masih tinggal sebumbung dan menjalankan rutin seperti biasa, namun tidak lagi berinteraksi secara bermakna:

“Kami duduk satu rumah, tapi masing-masing buat hal sendiri. Dia balik kerja, buka TV. Saya pula sibuk dengan dapur dan anak. Cakap tu ada, tapi tak pernah yang betul-betul bincang perasaan atau masalah.”
(Informan 10, Wanita, 44 Tahun)

Keadaan ini mencerminkan fenomena “sunyi dalam kebersamaan”, di mana hubungan masih wujud dalam bentuk fizikal, tetapi terputus secara emosi. Kekurangan komunikasi bermakna ini memberikan kesan langsung terhadap pembentukan empati dalam perhubungan. Husain (2021) menegaskan bahawa komunikasi empati penting untuk membentuk pemahaman yang mendalam antara pasangan dan apabila ia gagal dilaksanakan, kualiti hubungan akan turut merosot. Kekurangan komunikasi mendalam menyebabkan pasangan gagal membina persefahaman dan empati yang menjadi asas kepada kesejahteraan perkahwinan.

Informan (IP4), seorang pendakwah yang turut terlibat dalam pengendalian kes rumah tangga, berkongsi pengalaman serupa. Menurut beliau, banyak pasangan khususnya isteri mengadu bahawa mereka terpaksa memulakan perbualan setiap masa, manakala pasangan tidak menunjukkan usaha yang sama:

“Saya selalu jumpa kes di mana isteri saja yang mula cakap dulu, ajak sembang. Tapi kalau dia diam, memang sunyi rumah tu. Lama-lama isteri jadi penat dan biar je keadaan macam tu.”
(Informan 4, Wanita, 38 Tahun)

Corak komunikasi yang berat sebelah ini berpotensi menggambarkan simptom awal kepada anhedonia sosial iaitu satu keadaan di mana individu hilang minat terhadap interaksi sosial. Tan et al. (2022) menjelaskan bahawa anhedonia sosial boleh menjejaskan kepuasan perkahwinan apabila ia mengganggu komunikasi konstruktif dan mendorong kepada pola komunikasi yang pasif atau merosakkan. Ini menyebabkan dinamika hubungan menjadi pasif dan membeku, walaupun masih menjalankan tanggungjawab bersama.

Menurut informan pakar (IP11), kekurangan komunikasi tidak semestinya melibatkan konflik atau pertengkaran. Sebaliknya, ia lebih kerap hadir dalam bentuk keheningan yang berpanjangan, di mana ketiadaan sapaan rutin seperti “apa khabar” atau “awak okey ke” menjadi tanda awal bahawa ruang emosi antara pasangan sedang mati perlahan-lahan. Dalam senario sebegini, pasangan mula membuat andaian, menyimpan prasangka dan gagal menyatakan keperluan emosi masing-masing. Jurang emosi pun semakin melebar dari hari ke hari. Dapatan ini menyokong dapatan Kamal et al. (2023) yang menegaskan bahawa apabila komunikasi dalam perkahwinan bersifat minimum atau hanya berkisar kepada perkara rutin, hubungan akan kehilangan keintiman emosi yang menjadi asas kepada kesejahteraan rumah tangga. Lebih membimbangkan, konflik kecil sukar dikesan dan ditangani kerana tiada saluran komunikasi yang aktif.

Akhirnya, kekurangan komunikasi menjadi kekuatan senyap yang menghakis hubungan dari dalam seterusnya mewujudkan keadaan di mana pasangan tidak lagi berkongsi kehidupan secara emosional, sebaliknya hanya menjalankan tanggungjawab bersama tanpa kedekatan jiwa. Implikasi praktikal dapatan ini ialah keperluan untuk membina semula komunikasi bermakna dalam rumah tangga. Kaunselor boleh mencadangkan tugas harian seperti berkongsi tiga perkara iaitu rasa syukur, cabaran dan keperluan sokongan yang boleh membantu pasangan melatih empati. Institusi agama dan komuniti pula boleh menganjurkan kempen ringkas seperti “15 minit tanpa skrin” setiap malam untuk menggalakkan interaksi tatap muka. Pendekatan ini penting kerana jurang komunikasi kecil yang tidak ditangani boleh berkembang menjadi jurang emosi yang berpanjangan, sekaligus menghakis kestabilan rumah tangga Muslim.

5. Teknologi Komunikasi

Teknologi komunikasi moden mempunyai dua sisi dalam konteks perkahwinan, ia boleh menjadi penghubung emosi atau pemisah yang halus tapi signifikan. Aplikasi mesej ringkas, media sosial dan gajet digital dapat membantu pasangan berhubung dalam rutin harian. Namun, penggunaannya yang tidak terkawal boleh mewujudkan technoferece iaitu gangguan dalam hubungan yang berlaku apabila teknologi mengatasi komunikasi bersemuka (Kamal et al., 2023)

Dalam kalangan pasangan yang menghadapi masalah rumah tangga, penggunaan telefon pintar secara berlebihan semasa waktu bersama dikenal pasti menyumbang kepada perasaan diabaikan dan kesunyian. Informan (IP9), seorang kaunselor yang berpengalaman, berkongsi satu kes melibatkan seorang isteri yang merasa seolah-olah tidak dipedulikan secara emosi kerana suaminya terlalu fokus kepada telefonnya, walaupun ketika mereka sedang makan bersama:

“Ada kes isteri mengadu, ‘Kadang saya cerita benda penting pun dia tak angkat muka dari telefon. Tengah makan pun, tangan main skrol. Saya rasa macam cakap dengan tembok.’ Dia rasa sunyi walaupun suami ada depan mata.”

(Informan 9, Wanita, 44 Tahun)

Fenomena ini selari dengan dapatan Maisarah dan Khairani (2023) yang menunjukkan korelasi positif sederhana ($r = 0.432$) antara ketagihan telefon pintar dan kesepian, mencerminkan bagaimana tingkah laku digital yang berlebihan boleh mencetuskan rasa terasing walaupun secara fizikal pasangan berada bersama. Teknologi yang sepatutnya menjadi alat untuk mendekatkan pasangan akhirnya menjadi penghalang kepada interaksi bermakna. Informan (IP6), yang turut terlibat dalam membimbing pasangan bermasalah, berkongsi satu lagi kes di mana penggunaan teknologi menggantikan komunikasi bersemuka:

“Saya pernah dengar kes suami isteri yang tinggal serumah tapi kalau isteri tegur atau marah sikit, suami tu balas dengan mesej WhatsApp je. Isteri kata, ‘Benda yang boleh cakap depan-depan, dia pilih hantar mesej.’ Lama-lama dia rasa jauh sangat.”

(Informan 6, Wanita, 36 Tahun)

Perbuatan menggantikan komunikasi lisan dengan mesej teks bukan sahaja menyulitkan pemahaman emosi, malah menjarakkan keintiman pasangan dan secara tidak langsung membina jarak psikologi yang dalam. Muhammad et al. (2019) menyatakan bahawa penggunaan telefon pintar yang berlebihan boleh mengurangkan kuantiti dan kualiti interaksi tatap muka, sekaligus mewujudkan pengasingan sosial yang merosakkan kesejahteraan hubungan. Apabila mesej penting disampaikan secara dingin dan tidak langsung melalui teknologi, kehangatan emosi dalam komunikasi mulai pudar. Bahkan menurut satu kajian oleh Universiti Stanford, penggunaan media sosial yang berlebihan boleh menjejaskan hubungan keluarga dan menyebabkan pengasingan sosial (David & Moore, 2021).

Menurut informan pakar (IP11), teknologi bukanlah penyebab utama konflik dalam rumah tangga, tetapi apabila ia mula menggantikan sentuhan mata, pelukan atau perbualan biasa antara pasangan, maka itu merupakan tanda awal bahawa komunikasi emosional sudah mula mati. Beliau menegaskan bahawa

pasangan perlu mempunyai disiplin emosi dalam penggunaan gajet agar ia tidak merosakkan keseimbangan hubungan.

Dapatan ini juga selari dengan kajian Huang et al. (2024) menunjukkan bahawa, dalam kalangan pasangan dewasa, cara penggunaan telefon pintar sama ada dari segi kekerapan atau tempoh masa memberikan kesan langsung terhadap emosi pasangan, khususnya perasaan kesunyian. Sebagai contoh, apabila seorang suami terlalu kerap menggunakan telefon semasa bersama isteri, pasangan itu mungkin terasa diabaikan walaupun secara fizikal mereka bersama. Hal ini memperlihatkan wujudnya saling ketergantungan emosi dalam interaksi digital diadis, iaitu kesejahteraan emosi pasangan saling berkait dan dipengaruhi oleh tingkah laku digital masing-masing. Tambahan pula, dalam sesetengah kes penggunaan teknologi secara berlebihan berfungsi sebagai ruang pelarian daripada konflik atau realiti hubungan yang mencabar. Ada pasangan menatal media sosial selama berjam-jam untuk mengelak perbualan penting atau meredakan tekanan tanpa melibatkan pasangan secara emosional. Namun begitu, bukan semua kesan teknologi bersifat negatif. Kajian turut mendapati bahawa teknologi boleh digunakan secara konstruktif, seperti menghantar mesej penghargaan, merancang masa bersama atau berkongsi kandungan positif yang mengeratkan hubungan. Maka, persoalan utama ialah cara dan niat penggunaannya, bukan teknologinya sendiri.

Sebagaimana yang ditegaskan oleh Kamal et al. (2023), penggunaan teknologi dalam rumah tangga haruslah berteraskan kesedaran, keseimbangan dan batasan yang disepakati bersama agar tidak menjejaskan keintiman dan kesejahteraan perkahwinan. Implikasi praktikal daripada dapatan ini menekankan keperluan membangunkan amalan “kebersihan digital” (*digital hygiene*) dalam rumah tangga. Kaunselor boleh mengesyorkan pasangan membina perjanjian digital rumah tangga, seperti menetapkan zon tanpa telefon di meja makan atau sebelum tidur, bagi mengelakkan gangguan ketika bersama. Institusi agama dan pembangun modul pra-nikah pula boleh menekankan kesedaran mengenai penggunaan teknologi secara seimbang agar ia tidak menghakis intimitas rumah tangga, sebaliknya dimanfaatkan untuk meningkatkan hubungan emosi.

Kesimpulan

Kajian ini menegaskan bahawa komunikasi merupakan faktor kritikal dalam menentukan kelangsungan sesebuah perkahwinan. Lima bentuk komunikasi destruktif yang ditemui iaitu pengunduran emosi (*stonewalling*), sarkasme, keengganan untuk berkomunikasi, kekurangan komunikasi bermakna dan gangguan teknologi komunikasi (*technoference*) yang bukan sahaja mencetuskan konflik dalam hubungan suami isteri, tetapi juga menjadi isyarat awal kepada keretakan emosi yang boleh membawa kepada perceraian. Tingkah laku yang sering dianggap kecil seperti mendiamkan diri, menyindir secara sinis atau keterikatan berlebihan kepada gajet digital ternyata memberikan kesan mendalam terhadap kesejahteraan emosi pasangan sekiranya tidak ditangani dengan sewajarnya. Sumbangan utama kajian ini terletak pada penerokaan mendalam terhadap isu komunikasi bermasalah dalam kalangan pasangan Muslim di Malaysia melalui perspektif pakar profesional, sekali gus memperkayakan perbincangan akademik dalam bidang komunikasi interpersonal dan psikologi keluarga.

Dapatan kajian ini boleh dimanfaatkan oleh pelbagai pihak berkepentingan. Kaunselor keluarga Islam boleh menggunakan hasil kajian ini untuk membangunkan modul intervensi berfokus kepada komunikasi empatik, pengurusan konflik dan kebersihan digital. Institusi agama serta pembangun modul pra- dan pasca-nikah disaran menekankan kemahiran dialog terbuka, pengenalanpastian tanda awal komunikasi bermasalah serta panduan penggunaan teknologi secara seimbang dalam rumah tangga. Hakim syarie dan pegawai kaunseling di pejabat agama pula boleh menjadikan corak komunikasi destruktif sebagai indikator awal dalam penilaian kes, sekali gus merujuk pasangan kepada intervensi kaunseling sebelum perceraian menjadi pilihan terakhir. Dari perspektif dasar, dapatan ini boleh menyumbang kepada pembangunan polisi kekeluargaan yang lebih responsif terhadap cabaran komunikasi dalam masyarakat moden.

Walau bagaimanapun, kajian ini ada keterbatasan yang tersendiri. Penglibatan informan yang terhad kepada 11 orang pakar wanita menghadkan kebolehan generalisasi kepada kumpulan yang lebih pelbagai.

Selain itu, penggunaan kaedah kualitatif secara tunggal tanpa triangulasi boleh mengehadkan keluasan interpretasi. Oleh yang demikian, penyelidikan lanjutan disarankan melibatkan sampel yang lebih besar dengan latar belakang demografi yang berbeza termasuk lelaki serta pasangan suami isteri. Pendekatan campuran yang menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif juga wajar dipertimbangkan bagi meningkatkan kesahan serta kebolehpercayaan dapatan. Penyelidikan masa hadapan boleh memperluas fokus kepada isu komunikasi dalam perkahwinan digital, pengaruh budaya silang serta peranan institusi dan dasar negara dalam mendepani cabaran sosial kontemporari.

Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan asas utama bagi memperkukuh pendidikan komunikasi berkesan dalam kalangan pasangan Muslim, khususnya pada fasa awal perkahwinan. Pendekatan yang menyeluruh, berasaskan empati, kejelasan ekspresi emosi serta pengurusan konflik secara rasional diyakini dapat menjadi benteng utama dalam mengekalkan keharmonian rumah tangga dan kestabilan institusi keluarga Islam dalam konteks masyarakat moden.

Penghargaan: Para Pengkaji merakamkan penghargaan kepada semua informan pakar yang telah bersedia berkongsi pengalaman profesional mereka dalam kajian ini. Penghargaan turut ditujukan kepada Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) atas sokongan akademik serta kemudahan penyelidikan yang membolehkan kajian ini dilaksanakan dengan lancar.

Konflik Kepentingan: Para pengkaji mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan dari segi akademik, kewangan atau hubungan profesional yang boleh mempengaruhi hasil penyelidikan ini.

Kenyataan Persetujuan Termaklum: Semua informan telah diberikan maklumat lengkap mengenai objektif, kaedah dan implikasi kajian sebelum temu bual dijalankan. Mereka telah menandatangani borang persetujuan termaklum dan diberi jaminan kerahsiaan, termasuk hak untuk menarik diri pada bila-bila masa tanpa sebarang implikasi. Identiti informan dirahsiakan dengan penggunaan kod (IP1–IP11) bagi memastikan pemeliharaan privasi dan integriti etika penyelidikan.

Rujukan

- Ahmad, W. N. A. W., Ismail, A., & Mokhtar, A. I. (2021). Perspektif Maqasid Syariah dalam memelihara institusi keluarga. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 22(3), 17–28.
- Apostu, I. (2022). Communication within couples – Function and dysfunction. *Journal for Ethics in Social Studies*, 5(1), 1–10. <https://doi.org/10.18662/jess/5.1/37>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Caldwell, E. (2023, January 18). Negative marital communications leave literal, figurative wounds. *The Ohio State University News*. <https://news.osu.edu/negative-marital-communications-leave-literal-figurative-wounds/>
- David, J. L., & Moore, K. A. (2021). *How the use of social media creates social isolation* (Stanford University Report).
- Department of Statistics Malaysia. (2023). *Perangkaan perkahwinan dan perceraian Malaysia 2023*. DOSM.
- Dungan, J. A., & Epley, N. (2024). Surprisingly good talk: Misunderstanding others creates a barrier to constructive confrontation. *Journal of Experimental Psychology: General*, 10(1), 55–67. <https://doi.org/10.1037/xge0001528>
- Fenell, D. L., & Weinhold, B. K. (2012). *Counselling families: An introduction to marriage, couple and family therapy* (4th ed.). Love Publishing Company.
- Filik, R. (2023). Emotional responses to sarcasm. In *Cambridge University Press* (pp. 255–271). <https://doi.org/10.1017/9781108974004.020>
- Fincham, F. D., & Bradbury, T. N. (1987). The impact of attributions in marriage: A longitudinal analysis. *Journal of Personality and Social Psychology*, 53(3), 510–517.

- Gottman, J., & Silver, N. (2015). *The seven principles for making marriage work: A practical guide from the country's foremost relationship expert*. Harmony Books.
- Hajar, S., Yusoff, M., & Yahya, N. (2024). Levels of communication style and marital satisfaction among husband and wife in Terengganu. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(12), 310–318. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v14-i12/23954>
- Hassan, A., Helal, N. A., Afify, Y. M., & Badr, N. L. (2024, October). Exploring emotional cues within conversational contexts for sarcasm detection. In *Proceedings of the 6th Novel Intelligent and Leading Emerging Sciences Conference (NILES 2024)* (pp. 127–130). IEEE.
- Huang, S., Zhang, W.-J., Xie, Y., Gao, B., & Zhou, H. (2024). Smartphone behaviour and loneliness among older couples in China: Actor–partner interdependence modelling. *Journal of Public Representative and Society Provision*, 13(1). <https://doi.org/10.21203/rs.3.rs-4905829>
- Husain, Y. (2021). Cultivating empathy through communication: Understanding others to improve relationships. *Journal of Public Representative and Society Provision*, 1(2), 57–62. <https://doi.org/10.55885/jprsp.v1i2.242>
- Ismail, A., & Adam, M. H. M. (2024). Amalan keluarga bahagia era pandemik COVID-19. In *Proceedings of the 5th International Seminar on Da'wah (ISOD V 2024)* (pp. 18–25). UKM.
- Ismail, S. H. S., Hamjah, S. H., Khambali, K. B. M., Ismail, A., & Daud, M. Z. B. M. (2021). Isu kekeluargaan dan sosiobudaya masa kini: Punca dan penyelesaiannya bagi input pelan pembangunan dakwah di Malaysia. *Jurnal YADIM: International Journal of Islam and Contemporary Affairs*, 1(2), 1–20.
- Kamal, N. M., Rahman, N. A. A., & Afandi, W. N. H. W. (2023). Antecedents of quality interpersonal communication in marriage: A view from divorcees. In *Proceedings of the 3rd International Conference on Management and Communication (ICMC 2023)* (pp. 83–100). <https://doi.org/10.15405/epsbs.2023.11.02.7>
- Khezri, Z., Hassan, S. A., & Nordin, M. H. M. (2020). Factors affecting marital satisfaction and marital communication among married women: A review of literature. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(16), 35–44. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v10-i16/8306>
- Mahmoodzadeh Marghi, A., Mireskandari, F., & Farbod, M. S. (2021). Structural equation modelling of divorce tendency with emphasis on communication skills, conflict resolution, and marital problems. *Journal of Research in Behavioural Sciences*, 19(1), 35–44.
- Maisarah, M., & Khairani, M. (2023). How excessive use of smartphones leads to loneliness in young adults. *Seurune*, 6(2), 1–10. <https://doi.org/10.24815/s-jpu.v6i2.33282>
- Maisaroh, A. (2018). Jurang sosial mempengaruhi perceraian dalam kalangan etnik Melayu. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(1), 1–8.
- Makhdom, N., Schneider, M., Hill, A., & Yau, D. M. (2019). How the use of iPads and smartphones creates social isolation. In *Proceedings of the Society for Information Technology and Teacher Education International Conference 2019* (pp. 1060–1065). Association for the Advancement of Computing in Education. <https://www.learntechlib.org/p/207776/>
- Mann, J. (2024, March 28). Experts say “stonewalling” can lead to divorce. *InStyle*. <https://www.instyle.com/stonewalling-toxic-relationship-habit-5372172>
- Miller, C. W., Roloff, M. E., & Reznik, R. M. (2014). Hopelessness and interpersonal conflict: Antecedents and consequences of losing hope. *Western Journal of Communication*, 78(5), 563–585.
- Mohd Fadzli Sulaiman, & Zaini Nasohah. (2023). Sorotan literatur punca perceraian awal perkahwinan di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(4), 28–38.
- Salihagić, D., & Tuce, Đ. (2023). The other side of love: Tactics of emotional manipulation in romantic relationships. *Društvene i Humanističke Studije*, 8(3[24]), 609–628.
- Siti Marziah Zakaria, Salina Nen, Abd Rahman Ahmad Badayai, & Nor Hazila Mat Lazim. (2018). Kualiti perkahwinan pada fasa pertama perkahwinan (1–10 tahun): Pengaruh gaya komunikasi dan penyesuaian hidup. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 16(7), 1–11.

<https://ejournal.ukm.my/ebangi>

- Tan, K., Jarnecke, A. M., & South, S. C. (2022). Social anhedonia, communication and marital satisfaction in newlywed couples. *Journal of Personality*, 91(5), 1239–1252. <https://doi.org/10.1111/jopy.12798>
- Wan Murni Wan Mokhtar, & Anwar Fakhri Omar. (2018). Analisis punca perceraian dalam kalangan remaja: Kajian kes di Kota Bharu (2010–2014). *Fikiran Masyarakat*, 6(2), 2010–2015.
- Whitbourne, S. K. (2024, May 10). Why sarcasm can seriously damage a relationship. *Psychology Today*. <https://www.psychologytoday.com/us/blog/fulfilment-at-any-age/202404/keep-the-sarcasm-in-check-to-keep-your-relationship-alive>
- Williamson, H. C. (2021). The development of communication behaviour over the newlywed years. *Journal of Family Psychology*, 35(1), 11–21.
- Zainab Ismail. (2014). Pendekatan komunikasi dalam kaunseling keluarga. In Z. Ismail, S. H. Hamjah, & R. M. Rasit (Eds.), *Isu dakwah masa kini – Keluarga, komuniti marginal dan pendidikan* (pp. 54–70). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.